

Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu, Kesejajarannya Dengan Nilai Islam: Kajian Di Shah Alam

Che Zaharah Abdullah
Czaharah200@salam.uitm.edu.my

Prof. Madya Zaharah Yahya
zaharah680@salam.uitm.edu.my

Fatimah Salleh
fatim822@salam.uitm.edu.my

Dr. Baterah Alias
baterah@salam.uitm.edu.my
(Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Shah Alam

ABSTRAK

Pepatah Melayu ada mengatakan “biar mati anak, jangan mati adat”. Ia menggambarkan dalam sesetengah situasi adat mendahului kepentingan lain dalam hidup. Dalam masyarakat Melayu adat masih diamalkan terutama dalam majlis perkahwinan. Sistem perkahwinan masyarakat Melayu secara dasarnya banyak dipengaruhi oleh adat-adat Hindu. Namun dengan kedatangan Islam, banyak perubahan yang berlaku selaras dengan nilai-nilai Islam. Walau bagaimanapun, hingga kini, masih terdapat beberapa adat perkahwinan masyarakat Melayu yang boleh menimbulkan kekeliruan sama ada ia berupa tuntutan syariat atau adat semata-mata. Objektif kajian ini antara lain untuk menganalisa beberapa adat tradisi perkahwinan masyarakat Melayu yang dilihat sejajar dengan hukum syarak dan juga adat yang bercanggah dengan syariat Islam. Metod yang digunakan dalam kajian ini antaranya kajian perpustakaan, soal selidik dan temu bual dengan mereka yang terlibat. Data-data yang diperolehi akan dianalisa melalui sistem SPSS. Fokus kajian dilakukan dalam kalangan masyarakat Melayu Shah Alam. Di akhir kajian, beberapa saranan akan dikemukakan dan diharap ia dapat memberi kesedaran serta panduan kepada masyarakat Melayu khususnya kepada generasi muda dalam pengendalian majlis perkahwinan.

Kata Kunci: Adat, Syariat, Amalan tradisi.

PENGENALAN

Sistem perkahwinan orang Melayu secara dasarnya banyak menerima pengaruh adat-adat orang Hindu. Namun dengan kedatangan Islam, banyak perubahan yang berlaku selaras dengan perubahan fikiran orang Melayu. Walau bagaimanapun masih terdapat adat yang masih kekal bercirikan kehinduan yang disulami dengan ciri-ciri tempatan di samping disejajarkan dengan ajaran Islam. Namun keadaan tersebut menimbulkan kekeliruan dalam kalangan generasi muda khususnya bagi mereka yang hendak berumah tangga. Persoalannya adakah adat perkahwinan

dewasa kini sejajar dengan nilai-nilai Islam? Justeru itu, kajian ini cuba mengupas isu tersebut di mana perbincangan akan dimulakan dengan definisi yang tersirat di sebalik istilah “adat” dan akan mengupas beberapa contoh-contoh adat yang banyak dilakukan dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu. Berdasarkan daripada contoh tersebut, analisa akan dibuat dengan membuat tinjauan dalam kalangan masyarakat Melayu di Shah Alam. Justeru itu, diharap beberapa cadangan dapat dikemukakan dengan melihat isu berkenaan dari perspektif Islam.

DEFINISI ADAT

Pada umumnya adat adalah suatu perbuatan atau perlakuan menurut kebiasaan masyarakat atau bangsa yang berkenaan. Melakukan atau menyempurnakan adat harus mengikut cara-cara atau susunannya yang tertentu. Adat menurut Kamus Dewan, bermaksud suatu peraturan yang diamalkan secara turun temurun di dalam masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Manakala istiadat pula bermaksud berbagai-bagai adat yang diikuti. (Teuku Iskandar, 2007. hal. 8)

Menurut Asmad, istilah “adat” dari segi bahasa membawa maksud: peraturan atau perkara yang biasa dilakukan. Dari sudut kebudayaan pula istilah adat bermaksud: peraturan yang telah ditetapkan oleh sesuatu masyarakat yang harus dipatuhi, malah dalam aspek tertentu adat berfungsi sebagai undang-undang masyarakat yang tidak tertulis atau termaktub sebagai undang-undang. (Asmad, 1990, hal. 8) Hal ini menunjukkan bahawa adat merupakan suatu perbuatan ataupun amalan yang telah diterima umum oleh sesuatu komuniti. Maka timbullah kata-kata peribahasa yang menyebut, ‘Adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah,’ ‘Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah’ dan sebagainya.

Menurut Aziz Deraman, adat itu adalah satu perkara baharu yang lahirnya mengikut cara berfikir sesuatu bangsa. Tambahnya lagi peraturan yang dijelmakan melalui adat resam, lembaga, tradisi, nilai budaya, kepercayaan dan peralatan budaya telah dapat menggambarkan sesuatu pernyataan kehidupan manusia. (Aziz Deraman, 2005. hal. 10) Namun dalam konteks masyarakat dan budaya Melayu perkataan adat telah menjadi istilah dengan mengandungi makna yang lebih luas dan mendalam, sehingga secara tradisi ia dapat disamakan dengan kebudayaan dan dianggap sebagai asas sistem sosial dan kebudayaan Melayu.

Justeru itu, adat berfungsi untuk mengatur hidup individu dan merangkainya kepada kelompok atau masyarakatnya. Bagi masyarakat yang masih kuat pegangannya kepada budaya tradisi, adat merupakan undang-undang hidup. Mereka mematuhi adat serta menghormatinya dengan keyakinan bahawa melanggar adat dianggap sebagai suatu sikap atau perbuatan buruk dan akibatnya akan merosakkan diri sekaligus mencemarkan kesejahteraan hidup masyarakatnya. Lebih daripada itu adat dikaitkan dengan kepercayaan ghaib dan mempunyai kuasa tertentu dalam mencorakkan kehidupan mereka. (Asmad, 1990. hal. 4)

OBJEKTIF

- i. Menganalisa beberapa adat tradisi perkahwinan masyarakat Melayu yang dilihat sejajar dengan hukum syarak dan juga adat yang bercanggah dengan syariat Islam.
- ii. Mendidik masyarakat Islam agar melakukan sesuatu mengikut syariat Islam khususnya dalam menjayakan majlis perkahwinan.
- iii. Mengenal pasti beberapa cadangan bagaimana unsur-unsur adat Melayu khususnya dalam adat perkahwinan mampu disejajarkan dengan nilai-nilai Islam dan seterusnya menjadi panduan kepada masyarakat.

PERMASALAHAN KAJIAN

- i. Mengenal pasti sebahagian besar upacara perkahwinan orang Melayu banyak dipengaruhi Hindu tetapi disulami dengan tuntutan Islam yang diberi wajah tempatan.
- ii. Mengenal pasti beberapa adat perkahwinan Melayu dan kesejajamya dengan nilai-nilai Islam seperti adat merisik dan bertunang, akad nikah, mas kahwin serta beberapa yang lain.
- iii. Mengenal pasti bahawa masih terdapat beberapa adat perkahwinan Melayu yang bercanggah dengan ajaran Islam contohnya unsur-unsur pembaziran yang melampau, berhias diri yang berlebihan, hantaran yang tinggi, unsur-unsur khurafat seperti menepung tawar dan menabur beras kunyit dan sebagainya.

METODOLOGI

Metod yang digunakan dalam kajian ini antaranya kajian perpustakaan, soal selidik dan temu bual dengan mereka yang terlibat. Data-data yang diperolehi akan dianalisa melalui sistem SPSS. Fokus kajian dilakukan dalam kalangan masyarakat Melayu Shah Alam, responden diambil seramai 100 orang.

ADAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dalam dunia globalisasi kini masih wujud kekeliruan antara tuntutan agama dan adat yang menjadi pegangan kuat bagi orang Melayu. Bahkan, ada pepatah mengatakan “biar mati anak, jangan mati adat”. Ini menggambarkan betapa dalam sesuatu situasi adat mendahului kepentingan lain dalam hidup. Perlu diingat usaha untuk menjernihkan antara agama dengan adat, jauh lebih sukar daripada apa yang dijangka. Walaupun nyata bersalahan dengan agama, mencabut adat yang asing dari Islam, tidak semudah mencabut kemuncup yang lekat di kain. Akarnya dalam mendasar, batangnya tajam berduri.

Agama Islam tidak memberatkan umatnya untuk melakukan sesuatu di luar kemampuannya. Adat yang dicipta oleh manusia membentuk satu identiti bagi sesuatu kaum dan bangsa. Dalam hal perkahwinan masyarakat Melayu juga mempunyai berbagai-bagai upacara adat yang diamalkan secara turun temurun sehingga ia seolah-olah menjadi suatu perkara yang disyariatkan oleh agama.

Dr. Amran Kasimin (2002. hal. 3) menyatakan, “Perkahwinan mengikut Islam begitu ringkas dan mudah. Namun demikian masyarakat Melayu telah membentuk dan menjadikannya sebagai istiadat yang mempunyai berbagai-bagai upacara yang menyebabkan orang yang hendak berkahwin seolah-olah terpaksa melalui proses yang dibentuk oleh masyarakat tadi...”.

Perlu difahami bahawa Islam tidak menolak secara keseluruhan apa jua adat dari berbagai kaum dan bangsa. Bahkan adat itu juga mempunyai ruang di dalam agama. Kaedah ini menyebut, *al-’Adah al-Muhakkamah*, yang bermaksud adat kebiasaan dapat ditetapkan sebagai hukum atau adat dapat menentukan hukum. (Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali, 2000. hal. 196) Contohnya: menurut adat masyarakat Melayu, mas kahwin (mahar) dibayar oleh suami kepada pihak isteri sebelum mereka melakukan persetubuhan. Maka perbuatan ini termasuk perkara yang selalu dilakukan oleh orang ramai. Sehingga ia dapat menjadi dasar dalam menetapkan hukum dalam hal perkahwinan. (Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali, 2000. hal. 204)



Islam bukanlah agama yang diwahyukan untuk bangsa Arab sahaja bahkan Islam adalah agama yang relevan untuk semua bangsa di dunia ini sama ada masyarakat itu Arab atau 'ajam. Justeru itu, Islam bukan dilihat sebagai agama yang menghapuskan kebudayaan sesuatu bangsa jika bangsa tersebut memilih Islam sebagai agamanya. Antara faktor yang menyebabkan agama Islam berkembang kepada setiap bangsa dan daerah adalah kerana Islam tidak menghapuskan budaya dan adat resam sesuatu bangsa atau negeri selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. (Abu Jaisyillah, 2013. hal.11)

Namun tidak dapat disangkal dengan bukti dari sejarah bahawa agama Hindu telah mendahului agama Islam dalam penyebarannya di Nusantara ini hingga orang-orang Melayu dipengaruhi agama berkenaan. Bahkan sebahagian adat istiadat masyarakat Melayu hingga kini masih menerima kesannya termasuklah dalam hal perkahwinan. Adat sebeginilah yang perlu ditinggalkan jika ia menjerumus kepada kesyirikan.

ISU BERKAITAN ADAT PERKAHWINAN MELAYU

Adat-adat perkahwinan yang biasa dilakukan oleh masyarakat Melayu ialah merisik, meminang, bertunang, majlis akad nikah, bersanding, dan walimatul urus atau majlis perkahwinan. Adat meminang merupakan adat kebiasaan masyarakat Melayu yang diterima oleh Islam.

Adat Merisik dan Meminang

Dalam budaya Melayu, adat merisik merupakan tahap awal menjodohkan teruna dan dara, yang melibatkan pertemuan antara wakil kedua pihak. Tujuan adat ini dilakukan adalah untuk memastikan bahawa gadis yang dihajati oleh seorang lelaki itu masih belum berpunya. Ini penting, kerana dalam Islam seseorang itu dilarang meminang tunangan orang. Di samping itu, adat ini juga bertujuan untuk menyelidik latar belakang si gadis. Proses merisik dilakukan dengan tertib dan sopan untuk menjaga dan memelihara nama baik kedua belah pihak. Beberapa kriteria yang selalu menjadi perhatian dalam proses risikan seperti paras rupa, sopan santun, tahap pendidikan dan sebagainya.

Amalan risik-merisik ini adalah sebahagian dari proses *khitbah* atau meminang. Islam mengharuskan merisik atau menyiasat gadis yang bakal dijadikan isteri. Makna meminang (*khitbah*) dari segi istilah agama bererti melahirkan hasrat ingin berkahwin dengan seseorang wanita tertentu dan perkara ini dinyatakan kepada wanita berkenaan atau walinya. Sabda Rasulullah SAW. : *“Wanita itu dikahwini kerana empat perkara; kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Pilihlah wanita yang mempunyai agama, nescaya kamu akan beruntung.”* (HR. al-Bukhari dan Muslim) Disyariatkan bagi lelaki untuk mengenal rupa calon isterinya dengan melihatnya secara langsung. Rasulullah SAW bersabda, *“Apabila salah seorang dari meminang wanita, maka jika dia dapat melihat kepada apa yang dapat mendorongnya untuk mengahwininya, hendaklah dia lakukan.”* (HR. Abu Dawud)

Dalam Islam melihat bakal suami dan bakal isteri adalah sunat kerana tidak mahu penyesalan berlaku setelah berumah tangga. Anggota yang harus dilihat bagi seorang wanita ialah muka dan kedua-dua tangan sahaja. Hadis Rasulullah SAW. berkenaan merisik (melihat tunang): *“Daripada Abu Hurairah RA berkata, sabda Rasulullah SAW kepada seorang lelaki yang hendak berkahwin dengan seorang perempuan: Adakah kamu telah melihatnya? Jawabnya tidak (kata lelaki itu kepada Rasulullah). Pergilah melihatnya supaya perkahwinan kamu terjamin berkekalan.”* (HR. Tarmizi)

Setelah selesai adat merisik dilakukan, adat peminangan pula dijalankan. Peminangan adalah permulaan proses perkahwinan dan merupakan suatu ikatan janji pihak lelaki dan perempuan untuk melangsungkan perkahwinan mengikut tarikh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pemberian seperti cincin kepada wanita semasa peminangan merupakan tanda ikatan pertunangan.



Kekeliruan Masyarakat Melayu Ketika Pertunangan

Beberapa kekeliruan dalam masyarakat Melayu ketika pertunangan, antaranya:

- i. Segelintir masyarakat Melayu, beranggapan pertunangan adalah lesen yang membolehkan kedua-dua yang terlibat berdua-duan. Sedangkan mereka belum diijab kabul sebagai suami isteri. Hadis Rasulullah SAW bersabda: *“Janganlah seorang lelaki duduk berdua-duan dengan seorang wanita yang tidak halal baginya, maka sesungguhnya orang yang ketiga yang bersama-sama mereka ialah syaitan kecuali jika bersama mereka seorang muhrim.”* (HR. Ahmad)
- ii. Pemberian hadiah kepada tunang ketika upacara pertunangan seperti cincin, gelang, sepasang pakaian dan lain-lain disebut sebagai tanda pertunangan. Persoalannya pertunangan ada kalanya putus di tengah jalan. Oleh yang demikian adakah harus pihak lelaki menuntut kembali pemberian mereka? Dari sudut hukum memang tidak wajar, namun dari adat, jika pihak gadis memutuskan pertunangan, mereka dikenakan bayaran dua kali ganda sebaliknya, tidak kepada pihak lelaki. Menurut Islam, perbuatan tersebut menimbulkan tipu daya dan helah bagi pihak lelaki untuk mencari jalan mendapat keuntungan dari bayaran yang berganda. Ia sudah pasti bercanggah dengan kehendak agama kerana ada unsur penipuan. (Mat Saat Abd. Rahman, 2006. hal. 15)

Majlis Akad Nikah

Akad nikah merupakan satu acara penting dalam perkahwinan masyarakat Melayu. Ia bukan suatu adat tetapi lebih kepada ajaran agama dan merupakan kemuncak kesahihan sesuatu perkahwinan. Upacara ini dijalankan selepas segala perjanjian yang dikenakan kepada pihak lelaki telah dilaksanakan seperti wang belanja (hantaran), mas kahwin dan barangan lain sepertimana yang dipersetujui oleh kedua belah pihak.

Kekeliruan Masyarakat Antara Mahar (Maskahwin) dan Hantaran Belanja

Umumnya kebanyakan masyarakat Melayu mewajibkan pihak lelaki supaya membayar sejumlah wang yang dinamakan sebagai wang hantaran kepada keluarga pihak perempuan. Dewasa ini, nilai wang hantaran bergantung kepada status pendidikan atau pun permintaan pihak keluarga bakal isteri. Dan kemudiannya, diikuti pertukaran barangan hantaran sesama mereka. Di mana mereka mengkhususkan dengan jumlah bilangan tertentu, seperti 5 dulang dari lelaki berbalas 7 dulang barangan tertentu dari pihak perempuan, atau 7 dulang dari pihak lelaki berbalas 9 dulang dari pihak perempuan, atau 9 dulang dari pihak lelaki berbalas 11 dulang dari pihak perempuan, dan seterusnya.

Dalam syariat Islam pemberian hantaran hukumnya harus kerana ia dianggap sebagai hadiah semata-mata. Namun apa yang diwajibkan atau pun disunnahkan di dalam syariat ialah pemberian mahar (maskahwin) oleh lelaki kepada wanita yang bakal dinikahi. Maskahwin ini tidaklah semestinya di dalam bentuk wang ringgit atau barang-barang tertentu. Mahar adalah merupakan salah satu rukun dan syarat sahnya nikah. Allah SWT berfirman: *“Berikanlah maskahwin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan...”* (surah an-Nisaa', 4 : 4)

Sabda Rasulullah SAW: *“Carilah untuk dijadikan maskahwin walaupun sebetuk cincin yang diperbuat daripada besi.”* (Riwayat Bukhari)

Dari hadis di atas, nyatalah bahawa maskahwin boleh dijadikan daripada apa sahaja asalkan benda itu berguna dan berfaedah sama ada berupa wang, barang atau sesuatu yang bermanfaat sebagaimana diberitakan Rasulullah SAW pernah mengahwinkan seorang lelaki yang tiada memiliki sesuatu pun untuk dijadikannya maskahwin lalu Rasulullah SAW bertanya kepada



lelaki itu, adakah pada engkau (hafaz) sedikit daripada ayat al-Qur'an, lelaki itu menyahut bahawa ia mengingati beberapa surah kemudian Rasulullah SAW pun mengahwinkan lelaki itu dengan bermaskahwinkan surah yang diajarkan kepada perempuan yang bakal menjadi isterinya.

Kita juga dapati, kadar mahar atau maskahwin adalah berdasarkan kemampuan diri sendiri, mudah dan tidak membebankan. Keghairahan masyarakat hari ini dalam meninggikan kadar maskahwin atau belanja hangus (hantaran belanja) ke atas kaum lelaki mungkin akan menimbulkan implikasi yang kurang sihat di mana akan bertambah bilangan kaum wanita yang tidak berkahwin. Lanjutan daripada itu mungkin akan membawa kepada bertambahnya kadar amalan seks bebas di kalangan muda mudi. (Mat Saat Abd. Rahman, 2011. hal. 43)

Adat Persandingan

Bersanding bermaksud duduk bersebelahan di satu tempat yang istimewa. Amalan ini dianggap kemuncak majlis perkahwinan dalam adat resam perkahwinan orang Melayu. Tujuan asal majlis bersanding ini ialah untuk memperkenalkan pengantin yang bergelar raja sehari kepada orang ramai. Memang seharusnya mereka diperkenalkan sebagai pasangan suami isteri. Lebih-lebih lagi kebanyakan tetamu yang datang ke majlis walimah itu adalah bertujuan melihat dan menatap wajah pasangan raja sehari. **Mengapa Adat Persandingan Bertentangan Dengan Islam?**

Unsur-Unsur Pembaziran

Majlis perkahwinan yang dilakukan secara besar-besaran sudah pasti mewujudkan gejala pembaziran, gejala ini juga mampu memberikan pelbagai implikasi yang negatif dalam kehidupan masyarakat. Contohnya sifat riak dan takbur mungkin akan berleluasa dalam diri masyarakat. Pepatah Melayu yang berbunyi "biar papa asal bergaya" sememangnya tidak sesuai dijadikan budaya hidup kita.

Majlis bersanding ini lebih kepada pembaziran dan sesungguhnya di dalam al-Quran, Allah SWT menyatakan bahawa orang yang membazir adalah saudara syaitan. Kerana kos yang tinggi akan digunakan untuk menyiapkan pelamin dan peralatannya sedangkan wang tersebut tidak perlu dibazirkan di atas perkara yang tidak berfaedah. Walaupun niat kita mengadakan upacara persandingan dengan niat yang baik iaitu untuk meraikan pasangan pengantin, namun sekiranya upacara itu dicemari oleh unsur-unsur yang bertentangan dengan agama Islam, maka secara tidak langsung upacara tersebut salah disisi agama.

Islam merupakan agama yang mudah dan senang. Sebagaimana mafhum hadis: "*Dari Abu Hurairah RA., katanya Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya agama (Islam) itu ringan. Barangsiapa memperberat-berat, maka dia akan dikalahkan oleh agama. Oleh kerana itu, kerjakanlah (agama itu) menurut mestinya, atau mendekati mestinya, dan gembiralah (kerana akan beroleh pahala), serta beribadatliah (mohonlah pertolongan Allah) pada waktu pagi, petang dan sebahagian malam).*" (HR.Bukhari)

Berdasarkan hadis di atas, walimatul urus menurut perspektif Islam tidaklah memberati para penganutnya dalam urusan pelaksanaannya. Islam menggalakkan penganutnya untuk mengadakan walimah berdasarkan kemampuan. Islam begitu mencela perbuatan membazir berdasarkan ayat al-Qur'an: "*Berikanlah kepada kaum kerabat haknya masing-masing dan kepada orang miskin dan orang musafir dan janganlah engkau membazir (pemboros) dengan melampau.*" (surah al-Isra', 17 : 26)

Menurut Mat Saad Abd. Rahman (2011, hal. 66), keharusan mengadakan persandingan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- Dimulakan dengan niat yang betul, iaitu bagi tujuan memperkenalkan kedua-dua pengantin kepada ahli keluarga dan masyarakat.
- Pakaian pengantin hendaklah menurut kehendak syariat, begitu juga dengan hadirin.
- Diadakan pada waktu yang sesuai, tidak bertembung dengan waktu solat.



- Tidak membazir dan bukan bertujuan untuk menunjuk-nunjuk.
- Tiada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tanpa kawalan.
- Tiada unsur khurafat. Contoh: adat merenjis, tepung tawar, menabur beras kunyit dan sebagainya.
- Muzik boleh dinyanyikan atau dilagukan, asalkan tidak melanggar syariat.

Unsur-Unsur Syirik dan Khurafat

Terdapat beberapa upacara tertentu yang menimbulkan sedikit kontroversi dalam adat persandingan ini. Antara upacara tersebut ialah menabur beras kunyit, membaca jampi mentera, adat merenjis, menepung tawar, berandam, berhias (tabarruj) dan lain-lain lagi. Upacara-upacara sedemikian menyebabkan adat persandingan masyarakat Melayu dikaitkan dengan unsur-unsur khurafat, tahyul dan pengaruh kepercayaan Hindu.

Kini, sesetengah daripada upacara tersebut dianggap sebagai adat semata-mata tanpa melibatkan kepercayaan. Contohnya adat merenjis dan menepung tawar dilihat sebagai penyeri majlis, tetamu tertentu dijemput merenjis pengantin yang sedang bersanding sebagai tanda penghormatan kepada mereka. Walau bagaimanapun, pengkaji melihat budaya tersebut bukan datang dari Islam, oleh yang demikian perlu dielakkan supaya jangan dijadikan ikutan. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: *“Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum dia termasuk dalam golongan mereka”*. (HR. Abu Dawud)

Kesimpulannya, upacara-upacara adat yang bertujuan untuk mengusir jin dan berharap supaya “berkat” adalah syirik sedangkan jika dilihat dari pandangan Islam, hanya Allah SWT sahaja tempat yang layak untuk meminta pertolongan. Ini berdasarkan ayat al-Quran: *“Hanya Engkaulah (Ya Allah) yang kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami minta pertolongan.”* (Surah al-Fatihah, 1: 5)

Adat Berandam (berhias)

Perbuatan andaman yang berbentuk “li tadtis” mengabui atau merubah kecantikan yang sebenar dilarang sama sekali dalam Islam malah ianya adalah haram. Mafhum hadis SAW.: *“Allah melaknat wanita yang mencucuk tangan dan menaruh warna (tattoo) dan yang meminta berbuat demikian; wanita-wanita yang menghilangkan bulu kening di muka, wanita yang mengikir gigi dan menjarangkannya supaya kelihatan cantik yang merubah kejadian Allah”*. (HR. Muslim)

Sementara itu, sejak akhir-akhir ini telah timbul satu fomonena baru di mana juru andam atau lebih dikenali sebagai mak andam yang terdiri dari kaum lelaki lembut atau lebih glamour dipanggil ‘mak nyah’. Hal ini jelas bertentangan dengan syariat Islam kerana aurat perempuan tidak boleh dipertontonkan kepada orang yang bukan muhrim.

Kenduri Kahwin (Walimatul Urus)

Perkataan walimah bermaksud kenduri semata-mata. Tetapi dari sudut amalannya, ia bermaksud kenduri kahwin sama ada diadakan oleh pihak pengantin perempuan atau pihak pengantin lelaki. Biasanya kenduri kahwin dalam kalangan masyarakat Melayu, dianggap sebagai acara kemuncak untuk kedua mempelai yang mempunyai tujuan-tujuan tertentu seperti meraikan kedua-duanya yang ditabal menjadi raja sehari, memperkenalkan kedua mereka kepada sanak saudara dari kedua pihak dan matlamat akhirnya juga merupakan tujuan kenduri itu digalakkan



oleh syarak untuk memberitahu kepada masyarakat bahawa mereka telah diijabkabulkan sebagai suami isteri.

Hukum Mengadakan Walimatulurus

Masyarakat Melayu beranggapan, kenduri kahwin bukan sahaja menjadi amalan tradisi, malah di dalam pelaksanaannya, sebagai perkara wajib yang tidak dapat dielakkan. Hukum mengadakan walimatulurus (iaitu menjemput orang ramai ke majlis walimatulurus) adalah sunat muakkad. Malahan, Rasulullah SAW. sendiri mengadakan walimatulurus.

- *Dari Anas bin Malik RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda, "Lakukanlah walimah meskipun hanya dengan seekor kambing." (HR. Muttafaqun alaih)*
- *Dari Buraidah RA. berkata bahwa ketika Ali bin Abi Thalib melamar Fatimah RA, Rasulullah SAW bersabda, "Setiap pernikahan itu harus ada walimahnyanya." (HR. Ahmad)*

Apakah ia merupakan sebuah tuntutan di dalam agama atau sebaliknya, atau bagaimana? Maka di sini timbullah sebuah persoalan, iaitu sejauh manakah sebenarnya majlis perkahwinan yang benar-benar dianjurkan oleh syariat sebagaimana yang ditunjukkan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah?

Walimatul Urus Menurut Perspektif Islam

- a) Niat mengadakan kenduri kahwin kerana Allah bukan sebaliknya seperti untuk bermegah-megah.
- b) Menurut syariat Islam majlis kenduri kahwin hendaklah dilakukan secara sederhana bertepatan dengan tujuan perlaksanaannya iaitu untuk mendapat keredhaan Allah.
- c) Walimatulurus adalah sunnah Rasulullah. Baginda pernah mengadakan walimatulurus pada bulan syawal sewaktu berkahwin dengan Aishah RA. Maka, dianjurkan untuk mengadakan perkahwinan dan walimatulurus pada bulan syawal kerana Aishah RA. menyukainya...*Dari Aisyah RA., katanya, "Rasulullah SAW menikahi aku pada bulan Syawal, dan menggauli aku pada bulan Syawal. Tiada isteri-isteri Rasulullah yang lebih beruntung berbanding denganku." (HR. Muslim)*
- d) Menjemput pelbagai golongan dan tidak terhad kepada golongan yang kaya sahaja. *"Dari Abu Hurairah RA., ia berkata : Rasulullah SAW telah bersabda : "Sejelek-jeleknya makanan ialah makanan walimah yang hanya mengundang orang-orang kaya saja untuk makan, sedangkan orang-orang miskin tidak diundang. Barangsiapa yang tidak menghadiri undangan walimah, maka ia durhaka kepada Allah dan Rasul-Nya." (HR. Muslim dan Baihaqi)*
Lebih menepati sunnah orang-orang yang diundang hendaklah orang-orang yang bertakwa, janganlah dari orang yang fasiq. *Rasulullah SAW, "Janganlah kamu bersahabat kecuali dengan seorang mukmin, dan jangan memakan makananmu kecuali orang yang bertaqwa." (HR. Ahmad dan dinilai hasan oleh Al-Albani)*
- e) Dibolehkan menyediakan bunyi-bunyian untuk memeriahkan majlis. Hiburan di dalam Islam diharuskan berdasarkan hadis: *"Dalam riwayat al-Bukhari daripada Aisyah RA. berkata, Seorang wanita berkahwin dengan lelaki Ansar, lalu Rasulullah SAW bersabda kepadaku, "Wahai Aisyah, Kamu tidak pernah menikmati hiburan, sedangkan kaum Ansar menggemarinya." (HR. Bukhari)*
Berdasarkan dalil di atas, Islam tidak melarang sebarang bentuk hiburan asalkan sopan dan tidak melalaikan seperti nanyian nasyid yang memuji kebesaran Allah SWT dan lagu-lagu selamat pengantin baru
- f) Hindarilah amalan khurafat, tahyul dan syirik dalam majlis kenduri kahwin.

- g) Tiada percampuran antara lelaki dengan wanita yang boleh mendatangkan fitnah.
- h) Menyediakan ruang solat.
- i) Memberi ucap selamat kepada pengantin.

Mengadakan walimatulurus bukanlah suatu adat Melayu, tetapi suatu sunnah yang dituntut oleh Islam dan menjadi perkara biasa bagi perkahwinan orang Melayu. Maka, orang Islam yang berkahwin mestilah teruja untuk mengadakan walimatulurus kerana padanya ada pahala. Namun, pihak pengantin perlulah betul-betul memahami perkara yang dibolehkan dan perkara yang tidak dibolehkan, supaya perkara yang haram dapat dielakkan. Justeru itu, perkahwinan yang dilangsungkan sudah pasti mengharap keberkatan dari Allah SWT.

ANALISA KAJIAN

Berdasarkan tujuan dan dapatan yang telah diperolehi dalam kajian ini, beberapa pemerhatian dapat disimpulkan seperti berikut:

Latar belakang Responden

Responden yang diambil seramai 100 orang dari kalangan masyarakat Melayu di Shah Alam, yang terdiri daripada 23 lelaki dan 77 orang wanita dari pelbagai peringkat umur, 56 peratus daripada responden yang telah berkahwin dan latar belakang pendidikan daripada peringkat SPM hingga ke ijazah. Seramai 14 peratus beraliran agama. Mereka mempunyai kepelbagaian tempat rujukan berkaitan hukum hakam. Seramai 28 peratus merujuk kepada media cetak, 39 peratus media elektronik, 59 peratus merujuk kepada media maya seperti internet, dan majoriti (70%) masih menjadikan guru agama sebagai tempat rujukan kemushkilan agama. Sementara itu, kekerapan mempelajari agama dalam kalangan responden juga baik. Rujuk jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Kekerapan Mempelajari Agama

Kekerapan	Frekuensi	Peratus (%)
<i>Harian</i>	27	27.0
Mingguan	34	34.0
Bulanan	19	19.0
Kadang-kadang	20	20.0
Jumlah	100	100.0

Sumber : Soal Selidik 2015

Berdasarkan data di atas menunjukkan responden mempunyai maklumat asas berkaitan agama, dan sentiasa menamabh ilmu. Hal ini selaras firman Allah s.w.t :

وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا...

Maksudnya : "...Wahai Tuhanku, tambahlah ilmuku".

Pertunangan

Secara umumnya dapatan kajian mengenai pertunangan adalah seperti berikut;



Jadual 2 : Pertunangan

Fakta	Setuju (%)	Tidak Pasti(%)	Tidak Setuju(%)
Pertunangan sebelum perkahwinan wajib menurut syariat Islam	29.0	19.0	52.0
Adat merisik hendaklah dilakukan sebelum majlis pertunangan diteruskan	62.0	17.0	21.0
Pertunangan merupakan warisan budaya Hindu	12.0	67.0	21.0
Apabila bertunang pasangan tadi bebas berdua-duaan	0.0	2.0	98.0
Majlis pertunangan hendaklah dibuat secara besar-besaran	0.0	6.0	94.0
Tepak sireh antara barangan yang perlu dibawa semasa majlis pertunangan	17.0	37.0	46.0
Majlis pertunangan hendaklah diakhiri dengan pertukaran cincin dan diwar-warkan pada umum	20.0	30.0	50.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber : Soal Selidik 2015

Jadual di atas membuktikan kefahaman majoriti masyarakat di Shah Alam berkaitan dengan majlis pertunangan dan isu-isu berkaitan dengannya adalah selari dengan syariat Islam. Sebanyak 98 peratus responden berpendapat bertunang bukan tiket untuk pasangan bebas berdua-duaan. Mereka juga tidak setuju (94%) untuk melaksanakan majlis pertunangan secara besar-an. Seramai 62 peratus responden setuju agar majlis pertunangan didahului dengan merisik. Ini juga selaras dengan syariat Islam.

Majlis Akad Nikah

Jadual 3 : Majlis Akad Nikah

Fakta	Setuju (%)	Tidak Pasti(%)	Tidak Setuju(%)
Majlis akad nikah afdhal dilaksanakan di masjid	66.0	20.0	14.0
Upacara membatil air sembahyang sebahagian dari syariat Islam	37.0	39.0	24.0
Selepas upacara akad nikah pengantin perlu melakukan solat sunat	78.0	14.0	8.0
Nikah gantung sesuai dilaksanakan dalam kalangan pasangan yang belum berkemampuan dari sudut kewangan	46.0	26.0	28.0
Adat "Langkah bendul", pihak pengantin lelaki diminta memberi hadiah kepada pihak pengantin perempuan	11.0	25.0	64.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber : Soal Selidik 2015



Majlis akad nikah merupakan kemuncak kesahihan sesuatu perkahwinan yang mengikat dua insan disertai dengan hak dan tanggung jawab masing-masing. Ikatan yang mulia wajar dilaksanakan di tempat yang dimuliakan oleh Islam seperti masjid. 66 peratus responden setuju dengan pandangan tersebut. Namun perlu di ingatkan kepada setiap penyunjung agar adap-adap dalam masjid patut diutamakan. Majoriti (78%) bersetuju untuk solat selepas akad nikah. Pelbagai pendapat dalam perkara ini. Ada menyatakan memadai sujud syukur. Dan ada berpendapat, tiada solat khusus yg dinamakan solat sunat nikah. Hadis Ibn Mas'ud (HR Ibn Abi Syaibah dengan isnad hasan) yang menyatakan sunat solat dua raka'at bersama isteri di malam pertama di mana suami menjadi Imam kepada isteri. Tujuan solat itu memohon keberkatan Ilahi supaya terhadap perkahwinannya. Mereka juga tidak bersetuju dengan mengamalkan adat langkah bendul kalangan setengah masyarakat kini.

Persandingan

Jadual 4: Persandingan

Fakta	Setuju (%)	Tidak Pasti(%)	Tidak Setuju(%)
Upacara persandingan dianggap acara "wajib", bagi pasangan pengantin	10	10	80
Adat merinjis dan menepung tawar pengantin wajar diteruskan	6	24	70
Penggunaan inai berukir ala tatu adalah tidak dibenarkan oleh Islam	50	34	16
Khidmat Mak andam diperlukan tanpa mengira jantina	5	13	82
Mahar/mas kahwin adalah termasuk dalam ajaran Islam	82	12	6
Hantaran yang tinggi antara punca kelewatan perkahwinan	70	14	16
Majlis makan beradab pengantin boleh mengeratkan silaturahmi di antara dua keluarga	63	28	9
Jumlah dulang hantaran perkahwinan hendaklah dibuat dalam bilangan ganjil	18	45	37
Jumlah	100	100.0	

Budaya bersanding tiada dalam Islam, ia budaya ikutan daripada adat Melayu lama atau Hindu. Akan tetapi, jika masyarakat Melayu masih mahu berpegang pada adat bersanding ini, adalah perlu dipastikan bahawa ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Majoriti responden (80%) tidak bersetuju dengan majlis ini. Mereka juga (82%) tidak setuju menerima Khidmat Mak andam tanpa mengira jantina.

Walimatul Urus

Jadual 5: Kenduri Kahwin (Walimatul Urus)

Fakta	Setuju (%)	Tidak Pasti(%)	Tidak Setuju(%)
-------	------------	----------------	-----------------



Mengadakan majlis walimatul urus itu adalah wajib	57.0	20.0	23.0
Hiburan (lagu-lagu) diperlukan supaya majlis menjadi lebih meriah	17.0	17.0	66.0
Pemberian hadiah atau wang kepada keluarga pengantin wajar diteruskan	47.0	28.0	25.0
Amalan mendoakan atau mengucapkan selamat pengantin baru sesuatu yang disuruh oleh ajaran agama	69.0	26.0	5.0
Amalan bergotong royong dalam menjayakan majlis perkahwinan wajar diteruskan	89.0	10.0	1.0
Amalan kenduri di kendalikan oleh caterer adalah sesuai dengan masa kini	57.0	31.0	12.0
Majlis walimatulurus wajar dibuat secara besar-besaran	12.0	13.0	75.0
Para jemputan tanpa mengira status masyarakat	84.0	9.0	7.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber : Soal Selidik 2015

Sejak akhir-akhir ini majlis perkahwinan masyarakat Melayu begitu meriah dipenuhi dengan pelbagai acara. Malah, ia dijadikan sebagai sebuah kebanggaan bagi sesebuah pasangan pengantin baru sekiranya mereka berupaya mengadakan majlis perkahwinan mereka secara besar-besaran dengan disertai pelbagai juadah makanan dan acara tertentu yang menarik perhatian. Ini termasuklah pelbagai bentuk makanan yang dihias dengan pelbagai rupa dan dimeriahkan lagi dengan upacara persandingan, muzik, tari-tarian dan nyanyi-nyanyian, (upacara potong kek, adat menyarung cincin, dan seumpamanya. Bentuk upacara seperti ini kelihatannya begitu menyukarkan dan memerlukan perbelanjaan yang besar. Berdasarkan maklumat responden (66%) bersetuju supaya majlis walimah urus tidak diiringi oleh hiburan atau muzik yang melalaikan. Responden juga mempunyai kefahaman dalam amalan Islam seperti mendoakan pengantin (69 %), menitikberatkan amalan kerjasama (89%) dan juga memahami konsep persaudaraan Islam, ini dapat dilihat kepada jawapan responden (84%) tanpa mengira status masyarakat.

CADANGAN

1. Pasangan pengantin perlu diberi pendedahan ilmu dan maklumat yang sebenar berhubung adat perkahwinan orang Melayu khususnya ketika mereka menghadiri kursus perkahwinan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam atau mana-mana agensi. Pendedahan maklumat perlu diberikan khususnya yang berkaitan dengan adat-adat Melayu serta percanggahannya dengan Islam.
2. Menjadikan Rasulullah SAW sebagai role model sebagai asas pembinaan rumah tangga bagi memperolehi kejayaan hidup di dunia dan akhirat.



3. Selagi adat tidak bertentangan dengan agama, maka Islam membenarkan. Jangan sampai ia memudaratkan seperti mana yang kita lihat pada hari ini iaitu perbelanjaan perkahwinan yang tinggi menyebabkan ramai pasangan muda menanggunghkan perkahwinan mereka dan akhirnya berlaku maksiat. Contohnya hantaran belanja yang kini mencecah belasan ribu RM bukan untuk memudahkan proses perkahwinan tetapi sebaliknya. Justeru itu, jumlah hantaran perlu bergantung dengan kemampuan individu jangan membebankan.
4. Media harus memainkan peranan agar tidak terlalu memperbesarkan kenduri kahwin yang hebat dan mewah, kerana ia sedikit sebanyak mempengaruhi masyarakat supaya berlumba-lumba mengadakan kenduri kahwin yang persiapan yang melampau. Untuk mengawal keruntuhan moral seksual yang semakin serius dewasa kini, media harus memainkan peranan agar memperbesarkan pula atau mempromosi kenduri kahwin yang dibuat secara sederhana. Muda mudi kita semakin keliru apakah ajaran Islam yang menyusahkan atau adat Melayu sebenarnya yang menyusahkan mereka untuk berkahwin.
5. Adat-adat dan upacara-upacara dalam perkahwinan Melayu yang sebahagian besar diambil daripada budaya asing wajar ditinggalkan sebab ia menimbulkan kekeliruan kepada generasi muda khususnya bagi mereka yang hendak berumah tangga.
6. Silibus subjek Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah perlu memberi pendedahan awal berhubung adat perkahwinan yang dilalui oleh masyarakat Melayu yang mengandungi unsur-unsur yang dilihat bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Maklumat ini wajar sebagai panduan kepada mereka.

KESIMPULAN

Islam bukan sesuatu agama yang memberati penganutnya malah mempermudah. Ajaran Islam yang bersifat fleksibel tidak menghalang umatnya mengamalkan sebarang adat istiadat selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Jika perkahwinan itu dilihat sebagai salah satu sunnah Nabi SAW yang dianjurkan oleh agama maka masyarakat Islam yang menyedari perkara ini hendaklah mereka memudahkan segala urusan perkahwinan itu. Tidak akan tercapai sunnah yang mulia ini jika jalan untuk melaksanakannya diberatkan oleh adat istiadat dan persepsi manusia yang tidak memberi faedah di sisi agama. Apa jua perkara yang berbentuk maksiat, kepercayaan karut yang mencemar akidah dan amalan-amalan bid'ah hendaklah diketepikan. Ya! memang sukar untuk kita mengubah sesetengah amalan yang telah sebatu dan menjadi adat dalam masyarakat. Justeru itu, generasi baru perlu mengorak langkah untuk melakukan perubahan di samping Islam sebagai panduan hidup mesti menjadi realiti.

BAHAN RUJUKAN

Al-Qur'an, Tafsir Pimpinan al-Rahman.

Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali, 2000. *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam.

Abu Jaisyillah, 2013. *Perkahwinan Melayu Antara Adat dan Syariat*. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.

Amran Kasimin. *Perkahwinan Melayu*. 2002. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.



Asmad, 1990. *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*. Melaka : Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.

Mat Saad Abd Rahman, 2011. *Undang-undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Shah Alam : Imtiyaz Multimedia and Publication.

Mohamed Taib Osman, 2004. *Adat Resam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Nik Abd. Rahim Nik Abd.Ghani. Objektif di Balik Tabir Walimah dlm. *Majalah Solusi Isu No 38*. Dis. 2011. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.

Teuku Iskandar, 2007. *Kamus Dewan* (edisi keempat) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.